

INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN BHD

Notis Perlindungan Data Peribadi

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, intercontinental Specialty fats Sdn Bhd (kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'ISF', "Syarikat" atau "kami") komited untuk melindungi data peribadi anda.

Data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh pihak kami termasuk semua maklumat yang terkandung dalam borang permohonan kami dan Curriculum Vitae anda [bersama-sama dengan maklumat lain yang mungkin kami perolehi tentang anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi yang dikumpul daripada majikan anda yang terdahulu, sejarah pekerjaan, rujukan, data peribadi yang dikumpul melalui lisan dan/atau bertulis sebelum dan akan datang dengan anda], dan semua borang pekerjaan lain.

Kami sedang memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kemudian, bertujuan menilai kesesuaian pekerjaan anda dengan kami, melaksanakan kontrak perkhidmatan, pentadbiran kakitangan, latihan dan tujuan pengurusan, tujuan yang berkaitan dengan faedah yang diberikan kepada anda sebagai pekerja ISF, mengekalkan rekod pengambilan ISF, mempertimbangkan anda untuk kekosongan masa hadapan dengan ISF, melaksanakan kontrak lain yang mungkin telah dimeterai antara anda dan kami dan apa-apa tujuan lain yang mungkin berkaitan dengan tujuan di atas.

Data peribadi anda mungkin didedahkan kepada:

- Agensi pengesahan latar belakang
- Institusi pendidikan dan majikan terdahulu
- Badan pelesenan profesional
- Pihak berkuasa Kerajaan (jika diperlukan oleh undang-undang)

Data peribadi anda tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan data peribadi anda dikumpul melainkan tempoh penyimpanan yang lebih lama dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang.

Syarikat amat komited untuk melindungi data peribadi anda daripada diakses, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Kami melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai untuk memastikan data anda dilindungi.

Anda boleh megakses dan meminta pembetulan (jika data peribadi anda tidak tepat, lapuk, tidak lengkap dan lain-lain) atau pemadaman data peribadi anda serta menghubungi kami dengan sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan data peribadi anda, adalah seperti berikut:

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Intercontinental Specialty Fats Sdn Bhd
Lot 1, Lebuhraya Sultan Hishamuddin 2,
Kawasan 20, Bandar Sultan Suleiman,
42000 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Intercontinental Specialty Fats Sdn Bhd
Lot 12459, Batu 33 1/2,
Jalan Banting/Dengkil
43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan.

Sekiranya terdapat percanggahan antara Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Inggeris ini dan Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Malaysia, syarat-syarat dalam Notis Bahasa Inggeris ini akan mengatasi Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Malaysia.